

DATE: 2/7/2010



SUARA BLOG

UM - 2/07/2010

## Anwar, Yahudi dan kepimpinan PKR Selangor

ISU kunjungan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Amerika Syarikat (AS) untuk merayu serta meminta maaf kepada rakan-rakan Yahudi berhubung kenyataan keras anti-Israel beliau telah mendapat perhatian penulis blog minggu ini.

Tidak kurang isu peralihan kuasa dalam kepimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Selangor melibatkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Naib Presiden PKR, Azmin Ali.

Tunku Aisha ([tunkuaisha.blogspot.com](http://tunkuaisha.blogspot.com)) berkata, beliau tidak faham kenapa Pas masih terus mempercayai Anwar walaupun jelas Penasihat PKR itu mempunyai hubungan rapat dengan zionis.

"Ahli-ahli Pas sepatutnya memberitahu pemimpin mereka untuk keluar dari pakatan pembangkang jika mereka benar-benar serius berjuang untuk Islam dan membantu rakyat Palestin. Jika tidak, jangan bercakap mengenai Islam sama sekali," katanya.

Penulis ini berkata, langkah Anwar ke AS dan merayu serta memohon maaf kepada rakan-rakan mereka terutama berbangsa Yahudi kerana lantang menentang Israel jelas menunjukkan bahawa beliau adalah ejen zionis dan mendapat pembiayaan daripada mereka.

Syed Ali Alhabshi dalam *UMNO Bahagian Cheras* ([umnobahagiancheras.blogspot.com](http://umnobahagiancheras.blogspot.com)) pula berkata, pendedahan terbuka akhbar *Washington Post* membongkarkan lagi hubungan rapat Anwar dengan tokoh-tokoh Yahudi.

Katanya, segala kutukan beliau terhadap rejim zionis terhadap kezaliman Yahudi di hadapan Kedutaan AS di Kuala Lumpur baru-baru ini jelas hanyalah sandiwara.

"Pendedahan oleh akhbar Barat itu sepatutnya menyedarkan pemimpin Melayu dalam PKR bahawa Anwar tergamak melakukan apa sahaja untuk mencapai cita-cita politik.

"Anwar sungguh licik berbohong sehingga penyokongnya terpedaya, tetapi sebenarnya beliau cukup intim dengan tokoh-tokoh Yahudi di luar negara.

"Seluruh dunia khususnya umat Islam mengutuk kezaliman rejim Israel tetapi sebaliknya Anwar yang disanjung oleh Pas dan DAP bersubahat dengan Yahudi," tegasnya.

Katanya, beliau hairan bagaimana pemimpin Pas yang kononnya berjuang untuk Islam menjadi 'buta' dengan telatah dan muslihat licik Anwar.

Dr. Novandri Hasan Basri ([novandri.blogspot.com](http://novandri.blogspot.com)) pula berkata, lakonan tentang percakapan yang berlaku di Selangor untuk menutup dan mengalihkan perhatian rakyat terhadap aktiviti Anwar ada kebenarannya.

Katanya, berita tentang pertemuan Anwar dan rakan-rakan Yahudi di AS tidak disedari oleh rakyat ekoran rakyat kini lebih tertumpu kepada isu 'pergolakan' dalam PKR Selangor.

"Anwar Ibrahim hampir berjaya mengalih perhatian orang ramai daripada mempertikaikan perhubungan intim beliau dengan pemimpin-pemimpin zionis Yahudi.

"Isu Khalid Ibrahim dan Azmin Ali tampak lebih panas dan penuh dengan 'kontroversi' dan pelbagai andaian yang sedap membuai kita semua," katanya.

Sementara itu, A. Kadir Jasin ([akadirjasin.com](http://akadirjasin.com)) berkata, pengguguran Khalid sebagai Pengerusi Majlis Pimpinan PKR Selangor dan pelantikan Azmin sebagai pengganti memberi kesan besar kepada kedua-dua pemimpin itu.

Katanya, gabungan jawatan Naib Presiden dan Pengerusi PKR Selangor menjadikan kedudukan Azmin lebih kuat selepas Ketua Umumnya, Anwar dan presiden, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail.

"Prestij Azmin sebagai sekutu akrab dan 'loyalist' Anwar mendapat anjakan kerana sekarang beliau juga menjadi supremo politik Selangor, sebuah negeri maju di mana PKR adalah peneraju.

"Di pihak lain, Anwar terpaksa memberi muka kepada Abdul Khalid yang banyak membantu imej PKR apabila dia menyeberang daripada UMNO dan pada masa yang sama memainkan peranan penting sebagai Bendahari PKR," katanya.

Bagaimanapun, Syed Imran dalam *Kuda Rangi* ([kudarangi.blogspot.com](http://kudarangi.blogspot.com)) berkata, perubahan kepimpinan PKR di Selangor bukanlah sesuatu yang luar biasa atau mengejutkan memandangkan hal yang sama pernah berlaku dalam parti lain, termasuk UMNO.

"Jika diambil ulasan dan kenyataan pemimpin-pemimpin UMNO peringkat Majlis Tertinggi dan Bahagian, apa yang berlaku di Selangor adalah sesuatu yang memperlihatkan tanda-tanda kejatuhan PKR atau setidaknya-tidaknya kemusnahan masa depan politik Khalid.

"Kenapa ia harus dilihat demikian sedangkan kejadian atau tindakan yang serupa dilakukan oleh UMNO di beberapa buah negeri dan tidak pula timbul apa-apa masalah atau ulasan negatif oleh media," katanya.

Sebagai contoh, katanya, apa yang berlaku di Terengganu di mana Ketua Perhubungan UMNO negeri disandang oleh Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, sedangkan Menteri Besarnya adalah Datuk Ahmad Said.